

21/09/2000

PM ajak buktikan Islam bertoleransi

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam membuktikan kepada masyarakat lain di negara ini bahawa Islam adalah agama yang bukan mengasingkan antara penganut berlainan agama.

Perdana Menteri berkata, orang Islam harus mengambil berat masalah yang berlaku dalam masyarakat walaupun masalah berkenaan membabitkan orang bukan Islam.

Justeru, katanya, kerja kebajikan yang dilaksanakan orang atau pertubuhan Islam perlu juga membabitkan orang bukan Islam.

"Inilah sifat yang dikehendaki dalam masyarakat. Orang Islam harus mengambil berat masalah termasuk yang membabitkan orang bukan Islam.

"Dengan cara ini, kita bukan saja membuktikan Islam adalah agama yang mengambil kira masalah masyarakat tetapi juga agama yang tidak mengasingkan penganut agama berlainan," katanya berucap pada malam amal bagi mengisi Tabung Ihsan Sang Wira anjuran Persatuan Doktor Pakar Islam Malaysia (Isdam) di Hotel Hilton Kuala Lumpur, hari ini.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Penaung Isdam; Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohd Khir Toyo; dan Presiden Isdam, Dr M A Sidek Nontak.

Pada majlis itu, beberapa syarikat korporat menyampaikan derma kepada tabung berkenaan, termasuk Kerajaan Selangor yang menyumbang RM10,000.

Tabung Ihsan Sang Wira adalah dana kebajikan bagi membantu pesakit jantung berlubang dan buah pinggang tanpa mengira bangsa atau agama.

Perdana Menteri berkata, kesediaan persatuan dan pertubuhan menjalankan kerja amal tanpa mengira keturunan dan bangsa mampu mengeratkan perpaduan masyarakat.

Beliau berkata, dengan wujudnya badan yang melaksanakan tugas membantu masyarakat seperti ini, ia akan merapatkan jurang berbezaan serta mengelakkan ketegangan serta menjamin keamanan negara.

(END)